

Rujukan : UKM HTM.3/224/2/4 JLD 5

Tarikh : 15 Mac 2017

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 5/2017

Ketua
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)
Pusat Perubatan UKM

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ To' Puan/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN BAYARAN KEPADA KAKITANGAN HOSPITAL CANSOLOR
TUANKU MUHRIZ, PUSAT PERUBATAN UKM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Untuk makluman YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ To' Puan/ Tuan/ Puan, kami menerima maklumbalas bahawa terdapat kakitangan yang tidak mendapat maklumat mengenai status pembayaran mereka. Sehubungan dengan itu, mulai 1 April 2017 pemakluman berkenaan status bayaran kepada kakitangan akan dibuat terus kepada emel yang didaftarkan dalam Sistem Maklumat Kakitangan atau Sistem Maklumat Pelajar. Surat pemakluman pembayaran atau salinan baucer bayaran tidak lagi dikeluarkan oleh Jabatan Kewangan.

Setiap kakitangan juga boleh menyemak sendiri maklumat bayaran dalam fasiliti tersedia iaitu Portal e-Kewangan UKM di alamat <https://ekew.ukm.my/efast/login>. Pengemaskinian alamat emel boleh dibuat di dalam Sistem Pengurusan Kehadiran, bagi kakitangan dan Sistem Maklumat Pelajar bagi pelajar yang boleh dicapai dari laman sesawang e-warga (Rujuk Lampiran 1).

Sukacita sekiranya pihak YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ To' Puan/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan kakitangan bagi mengemaskini alamat emel terkini masing-masing bagi tujuan di atas.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3962
JABATAN KEWANGAN

Bahagian Pengurusan Bayaran, Jabatan Kewangan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM, Tingkat 1,
Kompleks Pendidikan Tuanku Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 - 9145 5239/ 6540/ 5132/ 8316 Faksimili: +603 - 9145 8653 E-mel: uns.ikew@ppukm.ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ppukm-ukm.my>

Sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas boleh hubungi Bahagian Pengurusan Bayaran di sambungan 5239, 6540 dan 5132.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



NORINI BINTI MOHAMAD

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Pusat Perubatan UKM

- s.k
- Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah
 - Timbalan-Timbalan Dekan
 - Ketua Pegawai Operasi
 - Edaran



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3962

JABATAN KEWANGAN

Bahagian Pengurusan Bayaran, Jabatan Kewangan Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM, Tingkat 1,
Kompleks Pendidikan Tuanku Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Telefon: +603 - 9145 5239/ 6540/ 5132/ 8316 Faksimili: +603 - 9145 6853 E-mel: ipr@ppukm.ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

UKM

- i) Maklumat bayaran dalam Portal e-Kewangan UKM di alamat <https://ekew.ukm.my/efast/login>



- ii) Pengemaskinian alamat dalam Sistem Pengurusan Kehadiran bagi kakitangan dan Sistem Maklumat Pelajar bagi para pelajar yang boleh dicapai dari laman sesawang e-warga.



Bagi kakitangan



Bagi pelajar